

Term of Reference (ToR)

1. Mematuhi etika pembekal MPC.
2. Bersetuju untuk menjalankan program sehingga tamat mengikut jadual program yang ditetapkan.
3. Kadar bayaran sebagai Tenaga Pengajar adalah **RM1,200/hari** dan program perlu dilaksanakan tidak kurang 4 jam sehari.
4. Bersetuju untuk tidak mengedar dan berkongsi data serta maklumat pelanggan dengan pihak-pihak lain. Tenaga Pengajar perlu menjaga kerahsiaan maklumat MPC dan syarikat pelanggan.
5. Bayaran akan dibuat selepas program dijalankan sepenuhnya oleh pembekal. Jadual pembayaran adalah seperti di Lampiran 2
6. Tenaga Pengajar perlu menyediakan peralatan bantu mengajar (*presentation aids*) seperti komputer riba dan nota untuk tujuan latihan & perundingan.
7. Nota kursus yang akan digunakan hendaklah mengandungi logo MPC. Notanota dalam bentuk *softcopy* tersebut haruslah diserahkan kepada pegawai MPC terlibat sebelum kursus dijalankan untuk tujuan pemantauan.
8. Tenaga Pengajar hendaklah memaklumkan tarikh sebenar latihan/lawatan kepada pegawai MPC yang terlibat sekurang-kurangnya 3 hari bekerja sebelum sesi bermula.
9. Menghantar senarai kehadiran dan borang penilaian kursus bersama **invois dan LPO** kepada pegawai petugas MPC. Sekiranya tidak dihantar, maka pembayaran tidak akan diproses bagi fasa tersebut.
10. Bayaran yang ditawarkan adalah meliputi bayaran professional, dan lain-lain kos yang berkaitan.
11. MPC berhak menarik balik tawaran pada bila-bila masa jika ada syarat-syarat tidak dipatuhi.
12. Jadual Bayaran Tenaga Pengajar adalah seperti jadual berikut:

Perkara	Unit	Kadar/Unit	Jumlah
Kursus Online Innovative & Creative Circle (ICC) di UTMKL	2 Hari	RM1,200/hari	RM2,400